



SAMBUTAN 50 TAHUN LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

TAPAK PAMERAN



Lembaga Arkitek Malaysia



www.lam.gov.my


#LAM50Tahun #CelebratingLAM50

SAMBUTAN 50 TAHUN LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA TAHUN 2023

Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) akan mengadakan Sambutan 50 Tahun pada Oktober 2023. Sehubungan itu, LAM ingin menjemput para pempamer untuk turut serta dalam acara pameran yang dianjurkan oleh LAM pada 6-7 Oktober 2023 bertempat di Dewan Tun Hussien Onn (DTHO) WTCKL, 41, Jalan Tun Ismail, Chow Kit, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Para pempamer yang dijangka akan terdiri daripada firma-firma kesenibinaan & rekabentuk dalaman yang berdaftar dengan LAM. Selain itu, institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan program-program yang diiktiraf LAM juga dijemput untuk mempamerkan serta mempromosikan program masing-masing.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat LAM seperti berikut :

- a) **Pn. Farah Izwah Binti Ali**
- b) **Cik Seri Munirah Binti Mohd Yusof**
- c) **En. NurFaizal Bin Ibrahim**

farah@lam.gov.my
seri@lam.gov.my
faizal@lam.gov.my

Pejabat LAM : 603-2610 7087

Pendaftaran boleh dibuat dengan mengimbas kod QR berikut:



TERMA DAN SYARAT MENGENAI TAPAK PAMERAN DAN PROSEDUR

1. Tarikh dan MasaPameran

6 & 7 Oktober 2023 (Jumaat & Sabtu)
9:00 pagi- 6:00 petang


2. Kelayakan pempamer

Manfaat Kadar	Emas RM 10,000	Perak RM 8,000
Tapak pameran <ul style="list-style-type: none">• Panel belakang dan papan fasia nama syarikat pempamer• Satu (1) meja dan dua (2) kerusi lipat• Satu (1) unit 13amps soket satu fasa• Dua (2) unit 40w lampu kalimantang• Satu (1) bakul sampah	3m x 3m	3m x 3m
Logo syarikat pada tirai/slaid LED di pentas	✓	-
Pilihan lokasi tapak pameran	✓	-
Logo syarikat pada bunting di ruang legar & kawasan pameran	✓	-
Tayangan klip video korporat di layar utama pada waktu selingan siri taklimat LAM (Durasi video maksimum : 5 minit)	✓	-
Tag pempamer	5 orang	3 orang
1 Meja (10 orang) di Malam Anugerah LAM (4 Oktober 2023)	✓	✓

Nota: Bagi tempahan meja sahaja, untuk Sambutan 50 Tahun & Majlis pada 4 Oktober 2023, boleh dibuat melalui QR di bawah.



Tapak Pameran



3. Terma Bayaran

- Deposit sebanyak 50% daripada jumlah pakej yang dipilih perlu dibayar sebelum pengesahan tapak diberi.
- Baki bayaran perlu dibuat **sebelum 27 September 2023**.

Nama Syarikat	: Lembaga Arkitek Malaysia
Akaun Bank	: 0141 5020 7278 (Maybank)
Alamat Bank	: G Floor (Utara), Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, Malaysia
No. Pen. Perniagaan	: 14150005
Kod Swift	: MBBEMYKL
Ref. 1	: BOOTH 50LAM
Ref. 2	: Nama Institusi/Syarikat

- Kemukakan salinan rekod transaksi sebagai bukti bayaran dan emelkan kepada account@lam.gov.my (Pn. Farah).

4. Sistem Pemilihan Tapak Pempamer

Pemilihan tapak pameran adalah berdasarkan kepada bayaran yang diterima seperti mana terma bayaran.

5. Tarikh Tutup

Borang penyertaan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap dan disertakan dengan bukti **bayaran deposit sebelum 13 September 2023**.

6. Caj Pembatalan

Caj pembatalan akan dikenakan untuk setiap tapak pameran yang dibatalkan mengikut jadual berikut:

PEMBATALAN DITERIMA	CAJ PEMBATALAN
Sebelum 27 September 2023	50% dari yuran tapak
Selepas 27 September 2023	100% dari yuran tapak

7. Peralatan Tambahan dan Kelengkapan Elektrik

Peralatan tambahan boleh ditempah daripada kontraktor rasmi penganjur dan tempahan perlu dibuat sebelum 27 September 2023. Caj tambahan sebanyak 50% akan dikenakan selepas dari tarikh di atas dan caj 100% sekiranya dibuat semasa tarikh pemasangan (tertakluk kepada ketersediaan).

8. Penyediaan Tapak Pameran

Masa Pemasangan

Khamis, 5 Oktober 2023 **4.00 petang hingga 7.00 petang**

Masa Penanggalan

Sabtu, 7 Oktober 2023..... **6.00 petang hingga 7.00 petang**

9. Liabiliti dan Insurans

Walaupun pihak penganjur akan melakukan yang terbaik untuk memastikan keselamatan kawasan tersebut, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian barang pameran. Pihak pempamer bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan keselamatan barang pameran dan diinsuranskan.

10. Tanggungjawab Pempamer

- a) Pempamer bertanggungjawab memastikan kebersihan tapak pameran sebelum semasa dan juga selepas program.
- b) Pempamer perlu memastikan peralatan, perkakas serta kemudahan yang akan disediakan oleh pihak pengajur dalam keadaan yang baik. Jika berlaku sebarang kerosakan terhadap mana-mana peralatan, perkakas serta kemudahan yang disediakan, pihak peserta pameran boleh dikenakan ganti rugi.
- c) Pempamer bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan pengunjung serta pembantu semasa acara berlangsung. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecelakaan atau kecederaan. Ia diletakkan sebagai kecuaian pihak peserta pameran.
- d) Pendaftaran dan penyertaan ini bermakna pempamer menerima peraturan-peraturan yang dinyatakan. Para pempamer bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi semua arahan daripada pihak pengajur

12. Hak Pengajur

Pihak pengajur mempunyai hak sepenuhnya untuk meminda peraturan-peraturan ini pada bila-bila masa berdasarkan budi bicara mutlaknya.

- a) Pihak pengajur berhak untuk menamatkan dan membatalkan tapak pameran ini pada bila-bila masa berdasarkan budi bicara mutlaknya dan tanpa liabiliti kepada sesiapa pun.
- b) Pengajur mempunyai hak mutlak untuk menerima atau menolak penyertaan yang diterima. Semua keputusan pihak pengajur adalah muktamad. Sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
- c) Kegagalan pihak pengajur untuk menguatkuasakan sebarang terma dan syarat khas dalam apa-apa keadaan tidak akan menimbulkan situasi di mana tuntutan boleh dibuat oleh mana-mana pihak.

